



KERAJAAN MALAYSIA

**Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan
Dalam Menangani Isu Berkaitan Penggunaan
Duit Syiling 1 Sen**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PASARAN KEWANGAN	2
PA 2.2 Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan Dalam Menangani Isu Berkaitan Penggunaan Duit Syiling 1 Sen	2
1. Tujuan	2
2. Mekanisma Penggenapan	2
3. Peraturan Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan	3

PASARAN KEWANGAN

PA 2.2 Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan Dalam Menangani Isu Berkaitan Penggunaan Duit Syiling 1 Sen

1. Tujuan

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mekanisma dan peraturan berkenaan pelaksanaan penggenapan jumlah keseluruhan bil yang berakhir dengan 1, 2, 8, dan 9 sen kepada puluh sen terdekat manakala 3, 4, 6, dan 7 sen kepada 5 sen terdekat bagi semua transaksi di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan.

2. Mekanisma Penggenapan

2.1 Mekanisma Penggenapan ialah mekanisma yang memerlukan jumlah keseluruhan bil yang berakhir dengan 1, 2, 8, dan 9 sen digenapkan kepada puluh sen terdekat manakala 3, 4, 6, dan 7 sen digenapkan kepada 5 sen terdekat.

2.1.1 Bagi jumlah bil yang berakhir dengan 1 dan 2 sen diturunkan kepada puluh sen terdekat, bagi 3 dan 4 sen dinaikkan kepada 5 sen terdekat bagi 6 dan 7 sen diturunkan kepada 5 sen terdekat, manakala 8 dan 9 sen dinaikkan kepada puluh sen terdekat, seperti contoh 1 berikut:

Contoh 1

Penggenapan	Contoh: Jumlah Bil		
	Jumlah bil sebelum digenapkan (RM)	Pelarasan Penggenapan (RM)	Jumlah bil selepas digenapkan (RM)
Ke bawah (puluh sen terdekat)	5.01	-0.01	5.00
	5.02	-0.02	
Ke atas (lima sen terdekat)	5.03	+0.02	5.05
	5.04	+0.01	
Ke bawah (lima sen terdekat)	5.06	-0.01	5.05
	5.07	-0.02	
Ke atas (puluh sen terdekat)	5.08	+0.02	5.10
	5.09	+0.01	

2.1.2 Di dalam mekanisma ini, penggenapan hanya dibuat pada jumlah keseluruhan bil atau bil bulanan yang perlu dibayar (*due for payment*) dan bukan bagi setiap item di dalam bil berkenaan, seperti contoh 2 berikut:

Contoh 2

Diturunkan	Dinaikkan																																								
↓	↑																																								
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: center;">Tanpa Cukai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perkhidmatan 1</td> <td style="text-align: right;">9.99</td> </tr> <tr> <td>Perkhidmatan 2</td> <td style="text-align: right;">19.96</td> </tr> <tr> <td>Perkhidmatan 3</td> <td style="text-align: right;">10.00</td> </tr> <tr> <td>Perkhidmatan 4</td> <td style="text-align: right;">20.12</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="text-align: right;">60.07</td> </tr> <tr> <td>Pelarasan</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Penggenapan</td> <td style="text-align: right;">-0.02</td> </tr> <tr> <td>Penggenapan</td> <td style="text-align: right;">60.05</td> </tr> </tbody> </table>	Tanpa Cukai		Perkhidmatan 1	9.99	Perkhidmatan 2	19.96	Perkhidmatan 3	10.00	Perkhidmatan 4	20.12	Jumlah	60.07	Pelarasan		Penggenapan	-0.02	Penggenapan	60.05	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: center;">Dengan Cukai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perkhidmatan 1</td> <td style="text-align: right;">9.99</td> </tr> <tr> <td>Perkhidmatan 2</td> <td style="text-align: right;">45.00</td> </tr> <tr> <td>Perkhidmatan 3</td> <td style="text-align: right;">15.21</td> </tr> <tr> <td>Perkhidmatan 4</td> <td style="text-align: right;">20.54</td> </tr> <tr> <td>Jumlah kecil</td> <td style="text-align: right;">90.74</td> </tr> <tr> <td>Cukai 5%</td> <td style="text-align: right;">4.54</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="text-align: right;">95.28</td> </tr> <tr> <td>Pelarasan</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Penggenapan</td> <td style="text-align: right;">-0.02</td> </tr> <tr> <td>Penggenapan</td> <td style="text-align: right;">95.30</td> </tr> </tbody> </table>	Dengan Cukai		Perkhidmatan 1	9.99	Perkhidmatan 2	45.00	Perkhidmatan 3	15.21	Perkhidmatan 4	20.54	Jumlah kecil	90.74	Cukai 5%	4.54	Jumlah	95.28	Pelarasan		Penggenapan	-0.02	Penggenapan	95.30
Tanpa Cukai																																									
Perkhidmatan 1	9.99																																								
Perkhidmatan 2	19.96																																								
Perkhidmatan 3	10.00																																								
Perkhidmatan 4	20.12																																								
Jumlah	60.07																																								
Pelarasan																																									
Penggenapan	-0.02																																								
Penggenapan	60.05																																								
Dengan Cukai																																									
Perkhidmatan 1	9.99																																								
Perkhidmatan 2	45.00																																								
Perkhidmatan 3	15.21																																								
Perkhidmatan 4	20.54																																								
Jumlah kecil	90.74																																								
Cukai 5%	4.54																																								
Jumlah	95.28																																								
Pelarasan																																									
Penggenapan	-0.02																																								
Penggenapan	95.30																																								

Baris tambahan di dalam bil dan resit untuk menunjukkan Penggenapan

3. Peraturan Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan

- 3.1 Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan serta semua agensi di bawah seliaan mereka dikehendaki:
- 3.1.1 melaksanakan mekanisma penggenapan di peringkat sumber (*at source*) iaitu semasa cetakan bil bagi semua urusniaga di bawah bidang kuasa masing-masing;
 - 3.1.2 mempamerkan jadual mekanisma penggenapan di kaunter pembayaran; dan
 - 3.1.3 menunjukkan pelarasan penggenapan di dalam bil dan resit bagi memastikan pengguna dimaklumkan cara penggenapan dilakukan.

- 3.2 Mekanisme penggenapan juga merangkumi transaksi bukan tunai di kaunter seperti pembayaran menggunakan cek dan kad kredit atau kaedah-kaedah lain pembayaran elektronik.
- 3.3 Pelaksanaan mekanisma ini tidak memberi kesan kepada harga asal barangan / perkhidmatan yang dibekalkan.